



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARUMANIS TAK CUKUP UNTUK EKSPORT, DALAM NEGERI, UM -35	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TEROKA TANAMAN PADI DALAM AIR MASIN - MOHAMAD, NASIONAL, SH -10	
3.	SEGERA TINGKAT PENGELOUARAN PADI DI KEDAH, DALAM NEGERI, UM -34	
4.	KEDAH PERLU SAINGI HASIL TANAMAN PADI SELANGOR, NEGARA, KOSMO -16	
5.	PERLADANGAN UNGGAS SEBAGAI SUMBER MAKANAN, PERAK, HARAKAH -10	
6.	MANIS SI HARUMANIS, LOKAL, HM -23	
7.	DURIAN PREMIUM KAMPUNG DAMAK SAINGAN MUSANG KING, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	REMAJA 13 TAHUN MAHIR TERNAK LEMBU SADO CHAROLAISE, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9.	TIGA LEMBU KORBAN SEBERAT 1,800 KILOGRAM UNTUK DIJUAL, NASIONAL, SH -11	
10.	PASUKAN SUKARELA TANGKAP HAIWAN BINATANG BERKELIARAN, NEGARA, KOSMO -18	
11.	50% LADANG AYAM KONTRAK BAKAL MUFLIS, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
12.	KAISAR FARM SASAR PERLUAS PASARAN DAGING, BAKA LEMBU, DALAM NEGERI, UM -28	
13.	FISHERIES SUBSIDIES AGREEMENT WORKSHOP, NEWS, THE SUN -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	DARI HOBI IKAN BETA KE TERNAKAN KELI, BISNES, SH -29	
15.	CUACA TIDAK MENENTU JEJAS BENIH PATIN, NEGARA, KOSMO -14	
16.	PEMILIK KAPAL KAYA 'KENYANG' GUNA DIESEL SUBSIDI, PARLIMEN, HARAKAH -H8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
17.	7 BOT, PREMIS KUMPUL HASIL LAUT TERBAKAR, NASIONAL, BH -18	
18.	PULAU MERANTI: WARGA BANGLADESH DULU BURUH, SEKARANG TAUKE, DALAM NEGERI, UM -14	LAIN-LAIN

UKK KPBM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPBM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harumanis tak cukup untuk eksport

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

KUBANG PASU: Bekalan harumanis yang menjadi kebanggaan penduduk di utara tanah air masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan di seluruh negara walaupun jumlahnya kian meningkat pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Justeru, menurut Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan, pemasaran produk itu pada ketika ini masih tertumpu dalam negara meskipun Harumanis memiliki potensi untuk dieksport ke luar negara termasuk Eropah.

Bagaimanapun, katanya, usaha untuk mengeksport Harumanis ke luar negara tidak mustahil akan dilaksanakan pada masa akan datang selain persiapan untuk mengeksport buah tersebut ke luar negara sudah dilakukan sejak beberapa tahun dulu.

"Usaha itu bermula sejak



MOHAMAD Sabu bersama Zahimi Hassan (tiga dari kanan) melihat Harumanis yang baru dipetik di Kampung Pida 3, Jerlun, Kubang Pasu, semalam.

2014, namun, sehingga kini bekalan masih tak cukup untuk dihantarkan ke luar negara. Walau pun penghasilan tahun ini meningkat, jumlahnya masih be-

lum mencukupi.

"Kita berdepan beberapa kekangan dalam meningkatkan penghasilannya kerana Harumanis hanya sesuai ditanam di

utara tanah air seperti Kedah, Perlis dan Thailand. Keadaan itu disebabkan musim panas yang 'nyata' iaitu cuaca sesuai untuk penanaman Harumanis hanya

berlaku di kawasan tersebut dalam negara ini.

"Disebabkan itu, buat masa ini, kami hanya tumpukan kepada pemasaran dalam negara. Lagi pula tawaran harga dalam negara masih 'menarik' dan memberi pendapatan baik kepada para pengusaha," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas mengiringi Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu hadir ke Majlis Libat Urus Menteri Bersama Usahawan Harumanis di Pusat Pengumpulan Ladang, Kampung Pida 3 dekat Kodiang di sini, semalam.

Sebelumnya, terdapat laporan menyatakan pengeluaran mangga Harumanis di Perlis dijangka meningkat hingga mencecah 2,140 metrik tan dengan nilai jualan berjumlah 53.5 juta.

Selain itu, musim buah itu dijangka lebih panjang pada tahun ini iaitu bermula penghujung April hingga Julai ini.

Remaja 13 tahun mahir ternak lembu sado Charolaise

ALOR SETAR: Seorang remaja lelaki berusia 13 tahun dari Kubang Rotan, Kuala Kedah di sini bukan sahaja meminati bidang ternakan sejak kecil, malah, mahir menternak lembu sado daripada baka Charolaise.

Muhammad Zaim Mirza Muhammad Zaidi atau lebih dikenali sebagai Zaim yang mewarisi bakat itu daripada arwah datuknya, Hamid Man kini menternak empat ekor lembu sado daripada baka yang dianggap terbaik itu di kandang keluarga mereka dekat Ayer Hitam, Jerlun.

"Saya mengikut arwah tokwan menternak lembu sado ini sejak umur sembilan tahun. Setelah tokwan meninggal dunia pada Februari tahun lepas, saya ambil alih semua kerja menternak."

"Alhamdulillah, dengan semua ilmu yang saya belajar sejak kecil daripada arwah, saya dapat juga kesempata lembu sado ini dengan baik termasuk lembu terakhir peninggalan arwah yang ditemaknya sebelum meninggal dunia yang berusia 10 bulan," katanya ketika ditemui pada Himpunan Lembu Sado Utara 2.0 di Taman Jubli Emas, Suka Menanti di Alor Setar.



MUHAMMAD Zaim Mirza Muhammad Zaidi bersama lembu sadonya yang dipanggil Johan pada Himpunan Lembu Sado Utara 2.0 di Taman Jubli Emas, Suka Menanti di Alor Setar. - UTUSAN/JAMILIAH ABDULLAH

Zaim merupakan satu-satunya peserta cilik dalam pertandingan yang disertai lebih 150 penternak lembu sado dari Perlis, Perak, Pulau Pinang dan negeri ini.

Bercerita lanjut, empat lembu sado yang ditemaknya itu berusia antara empat tahun hingga 10 bulan terdiri daripada baka Charolaise yang mampu mencecah berat sehingga 1,000 kilogram (kg).

"Empat lembu sado ini saya bagi nama, Joe, lembu betina yang beratnya sudah cecah 1,000 kg, anaknya, Johan, yang sama bawa ke pertandingan ini berusia 10 bulan. Lanini, setahun setengah dan Teh, dua tahun."

"Paling saya sayang, Johan kerana ini peninggalan terakhir arwah tokwan. Ada orang tawar RM10,000 untuk beli Johan tetapi saya tak bersedia nak lepas Johan lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

KUALITI dedak yang dikatakan semakin berkurangan didakwa jadi punca ikan patin lambat membesar sekali gus menyebabkan pengurangan produktiviti ikan patin sangkar di Temerloh, Pahang.



Kualiti dedak jadi punca ikan patin lambat membesar?

TEMERLOH: Dedak berkualiti rendah didakwa menjadi antara punca ikan patin lambat membesar sehingga mengambil masa tujuh ke lapan bulan berbanding kebiasaan selama enam bulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pengusaha ikan sangkar Sungai Pahang di sini, Syafiq Haiqal Usaizan, 26, berkata, kemungkinan terdapat kandungan protein dikurangkan walaupun pada guni setiap 20 kilogram makanan itu, ia dinyatakan masih sama.

"Ini kerana sebelum ini pun kami beli makanan yang sama dan ikan besar dalam tempoh enam bulan serta sudah sesuai

dipasarkan.

"Agak pelik juga bila ikan sangkar kini memakan masa lebih lama dari kebiasaannya untuk membesar. Minta pihak berwajib kaji perkara ini," katanya yang sudah tujuh tahun menceburii bidang penternakan ikan sangkar terbabit di sini semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bahawa lebih 11 juta ikan patin dianggarkan mati di Temerloh sejak 2020 sehingga kini sekali gus menyebabkan bekalan sumber protein itu semakin kritikal ketika ini.

Difahamkan, daripada 3,000 ekor benih ikan dilepaskan dalam sebuah sangkar, peratu-

san hidup hanya kira-kira 200 hingga 300 ekor sahaja.

Dianggarkan di daerah ini terdapat kira-kira 1,500 sangkar ikan membabitkan 150 pengusaha.

Mengulas lanjut, Syafiq Haiqal berkata, penggunaan dedak ikan turut meningkat daripada 60 kepada 70 hingga 80 beg untuk satu pusingan pengeluaran yang memakan masa tujuh ke lapan bulan itu.

"Sudahlah harga makanan ikan semakin mahal dan meningkat secara mendadak ketika krisis bekalan kacang soya sebelum ini, ikan pula memakan masa lebih lama untuk membesar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Teroka tanaman padi dalam air masin - Mohamad

JITRA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berhasrat untuk meneroka penanaman padi dalam air masin dan kaedah tersebut boleh dimanfaatkan bagi tujuan penanaman di kawasan tepi laut di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkenaan berkenaan masih lagi di peringkat perbincangan awal dengan pakar berkaitan dari China.

Menurutnya, kajian penanaman padi dalam air masin telah dilakukan sejak empat tahun lalu di negara tersebut dan pihaknya akan mendapatkan pandangan dari pakar berkenaan dan membawa kaedah tersebut untuk diaplikasikan di Malaysia.

“Saya dah bertemu dengan para profesor di China iaitu tanam padi dalam air masin, ini di peringkat awal. Sekarang ini sedang di peringkat perbincangan supaya kawasan di tepi laut yang air masin itu tidak dibiarkan (begitu saja) agar boleh digunakan akan datang dengan teknologi dan pandangan-pandangan yang akan kita minta.

“Pandangan pakar daripada luar (negara) bagaimana mereka berjaya bukan mereka berjaya dalam sehari tetapi mereka buat kajian empat tahun,” katanya pada sidang akhbar pada Ahad.

Beliau berkata demikian selepas sesi libat urus bersama Usahawan Harumanis Kodiang di Pusat Pengumpulan Ladang, Kampung Pida 3 di Kodiang dekat sini.

Jelasnya, kajian yang dihasilkan oleh pakar di China selama beberapa tahun itu berjaya menghasilkan benih padi yang sesuai bagi tanaman padi air masin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Segera tingkat pengeluaran padi di Kedah

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

KUBANG PASU: Aspek pengairan dan penjagaan dikenal pasti sebagai dua faktor utama yang membezakan jumlah pengeluaran padi di Kedah yang amat berkurangan jika dibandingkan dengan Selangor sejak beberapa musim lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kadar tuaian padi di Kedah ketika ini hanyalah sekitar empat atau lima tan sehektar ketika hasil tuaian di Sekinchan, Selangor pula mampu mencapai antara lapan hingga 10 tan sehektar.

Menurutnya, perkara itu sering dibincangkan pihak kementerian dengan pelbagai usaha kini dijalankan bagi memastikan penghasilan padi di Kedah dapat lebih meningkat agar mampu menyaingi Selangor, selepas ini.

“Dalam hal ini, sistem pengairan perlu lengkap dan betul, tetapi apa yang paling penting adalah penjagaan. Untuk mengusahakan bendang, perkara itu tidak boleh dijalankan secara sambilan sebaliknya memerlukan tumpuan 100 peratus.

“Saya lihat di Sekinchan, mereka betul-betul buat bendang. Apabila matahari cerah saja, mereka sudah masuk ke sawah setiap hari, kecuali pada waktu cuti yang sudah diatur.

“Dalam masa sama, aspek pengairan dan pembajaan juga

perlu betul. Di Kedah ini, kita muahu tuju ke arah itu dan isu perbezaan hasil ini sememangnya disedari kementerian serta sering dibincangkan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pada Majlis Libat Urus Menteri Bersama Usahawan Harumanis di Pusat Pengumpulan Ladang, Kampung Pida 3 dekat Kodiang di sini, semalam.

Mohamad menambah, jika penghasilan padi di seluruh negara dapat ditingkatkan kepada enam tan sehektar, maka, negara tidak perlu lagi mengimport beras untuk kegunaan rakyat, kecuali beras berharga mahal seperti basmathi.

“Antara usaha untuk memastikan penjagaan padi yang lebih baik adalah penanaman padi berskala besar. Sewaktu orang muda banyak berhijrah ke bandar seperti Pulau Pinang serta Kuala Lumpur, maka, kita berusaha cantumkan tapak sawah itu untuk dijadikan skala besar serta menjaganya dengan lebih baik, bergantung kepada persetujuan petani.

“Di Perlis pun sebelum ini, ramai petani sudah terlibat dengan skim skala besar dan penanaman padi ala Sekinchan bagi meningkatkan hasil tuaian mereka. Padi mereka ditanam menggunakan mesin dengan pelbagai aspek termasuk rumput dijaga rapi dan dalam masa sama, kita sedang bergerak untuk menggunakan baja organik sedikit demi sedikit,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
			SURAT
29/5/2023	KOSMO	NEGARA	16

Kedah perlu saingi hasil tanaman padi Selangor

JERLUN – Aspek pengairan dan peningaaan dikenal pasti sebagai dua faktor utama yang membezakn jumlah hasil padi di Kedah, yang amat berkurangan jika dibandingkan dengan Selangor sejak beberapa musim lalu.

Menyatakan Pertanian dan Kejuriman Makanan, Datuk Seri Mohammad Sabu berkata, kadar tuaian padi di Kedah ketika ini hanyalah sekitar empat atau lima tan sehektar ketika hasil tuaian tanaman itu di Sekinchan, Selangor pula mampu mencapai antara lapan hingga 10 tan sehektar.

Menurutnya, perkara itu semoga dibincangkan kementerian dengan pelbagai usaha kini di-

jalankan bagi memastikan penghasilan padi di Kedah dapat lebih meningkat agar mampu menyaingi Selangor.

‘Dalam hal ini, sistem pengairan perlu lengkap dan betul tetapi apa yang paling penting adalah penjagaan. Untuk mengusahakan bendoang, perkara itu tidak boleh dijalankan secara samblian sebaliknya memerlukan rumpuan 100 peratus.

“Saya lihat di Sekinchan, mereka betul-betul buat bendong. Apabila matahari cerah saja, mereka sudah masuk ke sawah setiap hari, kecuali pada waktu cuti yang sudah diatur. Dalam masa sama aspek pengairan dan pembajian juga

perlu betul. Di Kedah ini, kita mahu tuju ke arah itu dan itu perbezaan hasil ini memang disedari kementerian serta sering dibincangkan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena Majlis Libat Urus Menteri Bersama Usahawan Harumanis di Pusat Pengumpulan Ladang, Kampung Pida 3 dekat Kodang, di sini semalam.

Mohamad menambah,

“jika penghasilan padi di seluruh negara dapat ditingkatkan kepada enam tan sehektar, maka negara tidak perlu lagi mengimport

beras untuk kegunaan rakyat,

kecuali beras berharga mahal se-

peri basmati.



MOHAMAD (dua dari kiri) ketika sidang akhbar pada Sesi Libat Urus Menteri Bersama Usahawan Harumanis di Kodang, Jerlun semalam.

Perlادangan unggas sebagai sumber makanan

IPOH: Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu memikirkan cara untuk membanter penernak unggas supaya dapat mematuhi standard amalan perladangan unggas.

ADUN Botia, Dr Najihah-tussaleh Ahmad, berkata perladangan unggas sangat penting dan perlu disokong bagi memastikan kelangsungan sumber makanan.

“Pada masa yang sama, kita juga perlu memastikan perladangan ini mengikut peraturan. “Negara kita pernah mengalami kekurangan 150 juta biji telur ayam yang dipasaran seperi yang dilaporkan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Menurut beliau, pengetahuanan standard perladangan sangat penting bagi memastikan manusalah lalat dan makhluk perosak yang lain tidak menganggu masyarakat setempat.

Justeru katanya, perlu dipertingkatkan dan dipertaksiran penggunaan konsep reban rutup. In berikut kata beliau, lalat adalah ejen bawaan penyakit dan antara penyakit utama bawaan lalat adalah demam kepialau atau typhoid yang akan mengibatkan cirit birit hasil pertumbuhan dengan tinja atau makanan yang tercemar.

Katanya,

“Beliau setuju dengan pindaan fasal 4 yang bertujuan mempunyai bahan hagian barn 2A ke dalam enakmen ini yang - 92 : memperuntukkan perlaka-

ra berhubung pematuhan standard amalan perlindungan unggas, kriteria reban tertutup yang jauh lebih baik apabila ia bukan sekatak mengawal suhu, pelepasan sifar dan zon penampnan adalah penting untuk mengatasikau ganggu lalat dan pencemaran bau.

(taun), dysenteri yakni radang usus akibat yang akan menyebabkan cirit birit berdarah.

Menurut beliau, usaha murni pihak penternak untuk meningkatkan bekalan negara melalui ternakan ayam telah menjadi masalah pulak kepada rakyat apabila standard penernakannya tidak dipatuhi.

Beliau berkata, suatu ketika dulu, ADUN Tebing Tinggi yang menjadi Exco Pendidikan Teknologi Sains dan Alam Sekitar ada menyatakan bahawa terdapat 700 reban ayam di daerah Manjung yang diusahakan secara kecil-kecilan tidak dapat diamalkan oleh pihak veterinar kerana ada penggunaan yang tiada lesen dan menternak kurang

ternak-penternak kecil yang berada di kawasan luar bandar. Beliau turut menggatkan supaya kerajaan tidak hanya fokus pada proses pengurusan loji tetapi proses penyembelihan juga sepatutnya dipantau supaya bertepatan dengan aspek syarak dan prosedur persijilan halal oleh JAKIM.

“Perkara ini bukan sekadar untuk mematuhi Enakmen Perladangan Unggas tetapi juga memenuhi standard penyembelihan yang dikeluarkan oleh JAKIM.

“Ini lebih meyakinkan kita sebagai rakyat Perak untuk membeli ayam yang dihasilkan daripada ladang-ladang di dalam negeri kita sendiri,” katanya.

dari pada 500 ekor ayam, sedangkan, katanya, penternak dengan bilangan kurang daripada 500 ekor boleh menyumbang gangguan lalat kepada masyarakat di sekelilingnya.

“Ini bermakna secara tidak langsung, pemanfaatan kepada penternak kecil-kecilan juga perlu diambil perhatian.

“Lanjutan daripada pengurutkaasan enakmen ini, diharapkan kerajaan negeri Perak bersifat lebih prihatin melalui pelan Pembangunan Perak Sejahera 2030,” tegasnya.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan dapat membantu pengusaha ladang dan memberikan bantuan modal kepada pen-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
			SURAT
29/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	23



PEMILIK Pusat Pengumpulan Ladang Harumanis, Mohd Firdaus lamaIuddin menunjukkan Harumanis D'Aman pada sesi libur bersama Usahawan Harumanis yang dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di Pusat Pengumpulan Ladang Harumanis Kapung Pida 3 di Kodiang, Mohamad Sabu berkata, kementeriannya berharap untuk meneroka kaedah penanaman padi air masin dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras negara pada masa hadapan. Beliau berkata untuk itu pihaknya telah membuat perbincangan dengan pakar berkaitan tembusuk profesor di China mengenai teknologi berasesian yang boleh diguna pakai bagi tanaman padi itu di negara ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Tiga lembu korban seberat 1,800 kilogram untuk dijual

KUBANG PASU - Tiga ekor lembu masing-masing seberat 600 kilogram (kg) antara yang ditawarkan untuk jualan bagi ibadah korban pada tahun ini.

Pengarah Urusan Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd, Zainol Abidin Mohamad berkata, lembu pada saiz terabit berada dalam keadaan sihat dan dijual pada harga RM10,000 seekor.

"Ada sesetengah pelanggan gemar lembu yang bersaiz besar untuk menunaikan ibadah korban sebab itu kita beri pilihan pelbagai jenis saiz untuk mereka," katanya ketika ditemui di ladang ternakannya di Jalan Sintok disini pada Ahad.

Menurutnya, pihak ladang turut menyediakan lembu seberat 230kg hingga 300kg dengan harga antara RM5,400 hingga RM6,000.

"Pelanggan juga boleh mempah secara tompok dengan harga RM750 hingga RM850 sebahagian."

"Alhamdulillah, pelanggan tetap kami telah mula mempah sejak awal Mei lagi dan setakat sekarang 60 ekor

sudah ditempah," katanya.

Ujar bapa kepada empat cahaya mata ini, syarikatnya menyasarkan lebih 200 ekor lembu akan terjual bagi menuhi permintaan ibadah korban tahun ini.

"Sasaran ini berdasarkan trend permintaan pelanggan yang mahu lembu tempatan kerana diyakini sihat dan terjamin status halalnya."

"Malah, kami juga sangat menitikberatkan sumber makanan haiwan ternakan agar mereka hanya mendapat makanan yang bersih dan halal selain mendapat vaksinasi yang lengkap," katanya.

Zainol Abidin yang juga seorang pesara guru berkata, mereka juga menyediakan perkhidmatan menyembelih dan melapah yang dikendalikan oleh petugas bertauliah dan berpengalaman.

"Selain itu kami turut menyediakan perkhidmatan agihan daging korban kepada asnaf untuk memudahkan urusan pelanggan yang mungkin ada kekangan tertentu," katanya.



Zainol Abidin (dua dari kiri) bersama anaknya Mohamad Alias memberi makan salah seekor lembu ternakan di ladang mereka di Kubang Pasu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	KOSMO	NEGARA	18



PASUKAN sukarelawan menangkap seekor lembu yang berkeliaran di Kampung Salong, Chini kelmarin.

Pasukan sukarela tangkap haiwan binatang berkeliaran

PEKAN – Satu pasukan sukarelawan khas ditubuhkan bagi menangani masalah haiwan ternakan berkeliaran di kawasan larangan termasuk bahu jalan, kawasan kampung dan premis awak serta kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kebjikan dan Keselamatan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini, Mohd. Saiful Nizam Mohd. Daud berkata, penubuhan itu hasil cadangan ADUN kawasan itu, Mohd. Shahrim Md Zain dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang.

“Pasukan sukarelawan ini akan membantu agensi terlibat selain JPV, pihak berkuasa tempatan dan polis bagi menangkap dan mengawal haiwan

ternakan yang berkeliaran di kawasan larangan,” katanya.

Menurutnya, ternakan yang ditangkap akan diserahkan kepada JPV untuk tindakan.

Sementara itu, katanya, operasi pertama pasukan berkenaan bersama JPV, polis dan Jawatankuasa Pentadbiran DUN Chini telah dimulakan kelmarin.

“Operasi pertama itu turut disertai ADUN Chini bermula pukul 12 hingga 5 pagi di lokasi terpilih iaitu di Kampung Salong, Felda Chini dan Kampung Dusun.

“Dalam operasi itu beberapa ekor lembu yang berkeliaran telah ditangkap dan diserahkan kepada pihak JPV untuk tindakan lanjut,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

APUNG HARGA AYAM

50% ladang ayam kontrak bakal muflis

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan 2,100 ladang ayam kontrak seluruh negara di ambang muflis susulan kelemahan polisi kerajaan mengawal sektor penting makanan negara itu.

Ini merangkumi kira-kira 1,000 ladang ternakan ayam kontrak yang hampir semuanya diusahakan penternak bumiputera yang terlibat membekalkan kira-kira 30 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor ayam setiap hari bagi memenuhi keperluan dalam negara, iaitu sebanyak 660,000 ekor ternakan itu.

Sumber industri ternakan ayam wilayah tengah Semenanjung memberitahu *Utusan Malaysia*, ancaman muflis dalam kalangan penternak ayam kontrak berpunca akibat lima faktor.

Faktor-faktor itu adalah cadangan mengapungkan harga ayam dan telur bermula Julai, langkah Bank Negara (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR), tiada lembaga unggas, cadangan menaikkan tarif elektrik kepada syarikat multinasional serta pengenalan upah gaji minimum RM1,500.

Sumber berkata, langkah mengapungkan harga ayam dan telur, jika benar-benar berlaku, akan semakin ‘membunuh’ penternak kontrak malah pengguna kerana ia tidak akan menurunkan harga dedak dan anak ayam yang merangkumi hampir 80 peratus daripada keseluruhan kos operasi di ladang ayam.

Bersambung di muka 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
29/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	SURAT
3			

50% ladang ayam kontrak bakkal muflis

atau integrator akan mengenakan kos tambahan kepada penternak kontrak. Bukan mereka yang tanggung kenaikan kos itu, tapi mereka timpakan kenaikan kepada penternak kontrak macam kami yang menerima anak ayam serta dedak daripada kartel,” kata sumber.

Untuk rekod, Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabtu berkata, harga ayam dan telur dijangka diapungkan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.

Mohamad berkata, harga ayam dan telur diapungkan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dapat menilai serta mengawal harga barang itu sama ada naik atau turun berbanding minimum RM1,500.

“Kemudian, apabila kerajaan

Sebaliknya, jika pengapungan harga ayam dan telur dibuat, sumber berkata itu akan semakin menguntungkan kartel induk ayam (GPS), kartel anak ayam serta kartel dedak yang mengimport bahan mentah bagi menghasilkan dedak seperti jagung bijirin dan soya.

“Sekarang ini, penternak ayam kontrak sedang bengelut dengan kenaikan kos operasi. Harga anak ayam RM3.60 seekor, harga dedak mencecah RM14.0 satu beg 50 kilogram. Kos buruh meningkat, sebab pengembalan upah minimum RM1,500 sampaikan pekerja asing sudah pandai minta gaji minimum RM1,500.

“Kemudian, apabila kerajaan

mau menaikkan tarif elektrik syarikat besar, sudah tentu kartel ayam serta penternak bersepudu

Dari muka 1

Sebaliknya, jika pengapungan harga ayam dan telur dibuat, sumber berkata itu akan semakin menguntungkan kartel induk ayam (GPS), kartel anak ayam serta kartel dedak yang mengimport bahan mentah bagi menghasilkan dedak seperti jagung bijirin dan soya.

“Sekarang ini, penternak ayam kontrak sedang bengelut dengan kenaikan kos operasi. Harga anak ayam RM3.60 seekor, harga dedak mencecah RM14.0 satu beg 50 kilogram. Kos buruh meningkat, sebab pengembalan upah minimum RM1,500 sampaikan pekerja asing sudah pandai minta gaji minimum RM1,500.

“Kemudian, apabila kerajaan

OPR NAIK, PENTERNAK ‘TERBUNUH’

Dalam pada itu, sumber turut mendesak kerajaan mengkaji semula langkah mengejut BNM menaikkan OPR baru-baru kerana ‘membunuh’ ladang-ladang kontrak yang membuat pinjaman bank untuk mendirikan ladang ayam serta ladang telur.

“Untuk set up broiler dua tingkat dengan kapasiti 50,000 ekor ayam satu pusingan, modalnya kira-kira RM5 juta. Sudah ramai yang mengambil pinjaman itu sekarang ini sedang bengelut akibat kenalkan OPR mengakibatkan peningkatan bayaran buulan kepada bank.

“Sudahlah sekarang bekalan anak ayam sangat kurang. Tahun lepas, kita boleh mengeluarkan ayam enam kali pusingan setahun. Sekarang ini, empat ke-

lima pusingan pengeluaran saja, itupun susah mahu jumpa ladang kontak yang boleh mencecah lima pusingan pengeluaran setahun sebab anak ayam kurang sangat,” katanya.

Sementara itu, satu sumber penternak ayam wilayah selatan yang dihubungi mendedahkan bahawa desakan demi desakan agar kerajaan mengapungkan harga ayam dan telur sebenarnya bukan datang daripada kalangan penternak sebaliknya merupakan tunutan pihak kartel.

Kata sumber, hal ini kerana kartel terlalu berkuasa mengawal industri sehingga kerajaan tidakwa takut dan tunduk kepada kata dua diberikan kartel, iaitu sama ada mengapungkan harga ayam dan telur atau memberikan pemberian subsidi sektor itu.

KAISAR FARM SASAR PERLUAS PASARAN DAGING, BAKA LEMBU

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
ekonomi@utusan.mediapulsa.com.my

PENTERNAKAN lembu secara fidlot sememangnya berpotensi dan menjanjikan pulangan lumayan bagi memenuhi permintaan bekalan daging di negara ini khususnya menjelang musim perayaan.

Di atas kesempatan itu, Kaisar Farm (M) Sdn. Bhd. cuba merebut peluang bagi mengembangkan lagi perusahaan ternakan lembu syarikat itu di Kampung Mengkuang, Kubang Tiga, Chuping, Perlis, susulan daripada permintaan memberangsangkan dalam kalangan masyarakat tempatan.

Walaupun baru sahaja beroperasi sejak lapan bulan lalu, syarikat berkenaan telah membawa masuk sebanyak 2,500 ekor lembu ternakan dari Thailand yang diusahakan secara fidlot di atas tanah berkeluasan 10 ekar (4.05 hektar).

Di samping itu, syarikat berkendalian juga telah berdaftar bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai syarikat Pengimport Haiwan Ternakan terutamanya membatikan lembu pedaging dari Thailand.

Pengarah Urusan Kumpulan Kaisar Farm (M) Sdn. Bhd., Datuk Seri Norazam Shah Ibrahim berkata, pihaknya berhasrat bagi menjalankan penerannan lembu secara moden melalui sistem



NORAZAM SHAH IBRAHIM

yang komprehensif dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) bersetujuan meliputi pemberian bahan makanan berkualiti untuk hasil lebih baik.

"Matlamat kami sebenarnya adalah untuk menampung pasaran Malaysia dengan membekalkan lembu pedaging daripada pelbagai jenis baka.

"Malah, kami sebelum ini turut menubuhkan Kaisar Agro Farm Thai Company Limited yang dibangunkan di Prachuap dan Narathiwat, Thailand bagi memudahkan urusan jual beli lembu pedaging masuk ke negara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Mengulas mengenai cetusan idea bagi penubuhan syarikat itu, Norazam berkata, beliau



LEMBU ternakan diusahakan Norazam Shah Ibrahim turut diberi dedak dan makanan mencukupi bagi memastikan pembesaran yang sempurna sebelum dipasarkan kepada orang ramai.

dan adiknya, Nor Azlan Ibrahim, 40, mula meneroka bidang berkenaan secara serius berikut mempunyai minat yang mendalam bagi ternakan lembu khususnya secara fidlot.

Kata Norazam, pihaknya juga telah melabur sebanyak RM13 juta bagi membangunkan ladang ternakan lembu itu yang terdiri daripada beberapa jenis baka antaranya baka KK (Kedah Kelantan) dan Brahman.

"Kawasan ladang ini secara keseluruhan adalah sehuas 25

"MATLAMAT KAMI SEBENARNYA ADALAH UNTUK MENAMPUNG PASARAN MALAYSIA DENGAN MEMBEKALKAN LEMBU PEDAGING DARIPADA PELBAKAI JENIS BAKA."

pemakanan lengkap dan lokasi ternakan yang bersetujuan.

"Kami juga biasanya akan memasarkan lembu yang mencapai berat lebih 200 kilogram kepada orang ramai dan disebabkan itulah, kita amat menitik beratkan mengenai aspek penjagaannya," katanya.

Buat masa ini, Norazam berkata, pihaknya menggunakan rumah sembelihan di Jelebu, Negeri Sembilan dan memasarkan daging lembu berkenaan sekitar Lembah Klang termasuk Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur.

Katanya, pihaknya juga membangunkan beberapa infrastruktur termasuk mendirikan gudang makanan lembu sendiri dalam usaha bagi meminimalkan kos operasi ternakan.

"Kebiasaan kos bagi 200 ekor lembu untuk tempoh 180 hari adalah mencecah sehingga RM4.4 juta namun apabila kami ambil inisiatif bagi hasilkan makanan sendiri, penjimatannya adalah amat besar iaitu pengurangan sebanyak RM4 juta," katanya.

Sebelum terlibat dalam penerannan, Norazam bergiat aktif dalam beberapa perniagaan lain antaranya membatikan sektor keselamatan dan pertahanan, penyimpanan senjata, minyak dan gas, penyiaran dan telekomunikasi serta pelbagai lagi.



PEKERJA ladang ternakan Kaisar Farm di Kampung Mengkuang, Kubang Tiga, Chuping, Padang Besar, Perlis, memastikan lembu-lembu mendapat makanan mencukupi pada setiap hari. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Fisheries subsidies agreement workshop

KUALA LUMPUR: The World Trade Organisation (WTO) organised a regional workshop from May 23 to 25 here on "Fisheries Subsidies for the Asia Region", to enhance understanding of the fisheries subsidies agreement.

In a joint statement by the Investment, Trade, and Industry Ministry and the Agriculture and Food Security Ministry issued yesterday, the objective of the workshop was to provide deeper understanding of the WTO Agreement on Fisheries Subsidies adopted during the 12th Ministerial Conference held from June 12 to 17, 2022, in Geneva, Switzerland.

"The agreement sets out disciplines to prohibit harmful fisheries subsidies that contribute to illegal, unreported, and unregulated fishing, and in respect of overfished stocks.

"To safeguard the livelihood of small-scale and artisanal fishers, the agreement also provides certain exemptions to fishers in developing and least-developed WTO member countries." – Bernama

Dari hobi ikan betta ke ternakan keli

Anak muda beranikan diri terokai bidang baru bagi majukan ekonomi keluarga

Oleh ADILA SHARINNIN WAHID
KOTA BHARU

ne-roka bidang ternakan ikan keli bagi meningkatkan ekonomi keluarga di Kampung Lubuk Jambu, Kedai Muiong di sini. Muhammad Firdaus Che Mohd Adnan, 27, memulakan langkah menceburii bidang ternakan ikan itu dengan modal RM5,000 bagi membina sendiri sangkar ikan dan sistem pempaipan dengan menggunakan tiga tangki air di mana setiap satu berkapasiti 500 gelen

Selepas dua tahun mendapat keuntungan hasil hobi memelihara ikan betta, seorang anak muda memberanikan diri me-

dan satu kanvas seluas 12 meter persegi.

"Pada awal Januari lalu, saya bermula dengan membeli 1,000 ekor anak ikan keli yang berharga 7 sen setiapnya sebesar tiga inci.

"Selepas empat bulan memelihara dan memberi makan palet, ikan ini mulai matang dan dijual kepada peniaga ke-

dai makan serta secara runcit berharga RM7 sekilogram," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Muhammad Firdaus dapat melihat potensi besar ternakan ikan keli apabila permintaan terhadap bekalan air tawar itu semakin meningkat dari hari ke hari.

"Di Kelantan, ikan keli adalah antara menu yang menjadi kegemaran orang ramai dan dikomesialkan secara meluas di restoran-restoran.

"Kos makaran ikan yang diperlukan ialah sebanyak RM80 bagi 20 kilogram palet pada setiap bulan.

"Setakat ini, ikan-ikan dijual



Ikan keli hasil ternakan Firdaus.

mengembangkan perniagaan.

"Dalam tempoh tiga tahun lagi, saya mahu membeli sebuah lori tiga tan bagi memudahkan urusan penghantaran ikan-ikan kepada pelanggan.

"Buat masa sekarang saya hanya menggunakan kereta untuk tujuan itu dan manu mengumpul lebih ramai pelanggan baruu melalui promosi di media sosial seperti TikTok," katanya.



Anak-anak ikan diberi makan sebanyak dua kali setiap hari.

di pasaran tempatan dan saya optimis untuk meluaskan lokasi penjualan sehingga ke luar negeri. Kelantan pada masa akan datang," katanya.

Muhammad Firdaus juga menyasarkan penambahan 10 kolam ikan buatannya itu untuk menambah lebih 10,000 lagi anak ikan dalam masa terdekat selain akan mengikuti kursus pembenihan ikan-ikan untuk

menjadi ahli profesional.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	KOSMO	NEGARA	14

Jabatan Perikanan tingkatkan pengeluaran tampung permintaan penternak

Cuaca tidak menentu jejas benih patin

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

TEMERLOH — Keadaan cuaca yang tidak menentu termasuk fenomena El-Nino dikenal pasti antara punca berlaku kekurangan benih ikan patin.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya memandang serius isu itu dan akan mengambil tindakan dengan meningkatkan pengeluaran benih ikan patin.

"Justeru hatchery (tempat penetasan) di Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) antaranya di PPA Perlok, PPA Bukit Tinggi, PPA Tapah dan Institut Penyelidikan Perikanan Glami-Lemii sedaya upaya memenuhi permintaan bekalan benih daripada penternak di seluruh negara.

"PPA Perlok, PPA Bukit Tinggi, PPA Tapah sedang meningkatkan pengeluaran benih ikan patin sebanyak 600,000 ekor bersaiz satu ke dua inci tahun ini," kata-

nya dalam kenyataan semalam. Menurutnya, PPA turut menawarkan bantuan benih secara percuma kepada penternak dan akan memberi keutamaan mengeluarkan benih patin untuk memenuhi permintaan tahun ini.

Pihaknya turut menggalakkan penyertaan nurseri swasta untuk meningkatkan pengeluaran benih menggunakan teknologi 'bioflok' yang dijangka dapat mengeluarkan benih lebih tahan lasak dan menjimatkan kos.

Sebanyak 4.06 juta benih patin dikeluarkan di Pahang setiap tahun di sembilan tempat penetasan. Diangarkan 57 juta ekor benih ikan patin dikeluarkan yang ditampung 23 tempat penetasan di seluruh negara.

"Kerajaan menyasarkan 480,000 tan metrik pengeluaran aquakultur seluruh negara bagi 2023 yang mana 125,557.22 tan metrik adalah pengeluaran ikan air tawar seperti tilapia, patin dan kell," katanya.



SEORANG penternak menangkap ikan patin di sangkar di Sungai Pahang, Temerloh.

"Penternak dimasihatkan ambil benih bersaiz besar bagi mengurangkan tempoh ternakan dan risiko kematian," ujarnya.

Kosmo! pada Jumaat lalu melaporkan bekalan ikan patin

sangkar di daerah Jerantut dan Temerloh bukan sahaja semakin kritis malah dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi akibat kekurangan benih ikan.



KERATAN Kosmo! 26 Mei 2023.

Durian Premium Kampung Damak saingan musang king

JERANTUT — Durian Premium Kampung (DPK) Damak terus mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penggemar raja buah sekali gus bakal mendominasi pasaran durian di Pahang pada musim ini yang dijangka gurau awal bulan depan.

Klon tempatan DPK seperti mas hijau, kulit buaya, naga emas, aji aziz dan beberapa hasil lain tanaman pekebun di Lembah Durian Kampung Damak mampu bersaing dengan musang king dari segi tekstur isi, aroma, rasa dan harga buah berkenaan.

Peraih durian Kampung Damak, Zulkifly Mahmud, 57, berkata, durian klon dan premium yang berbau lebat musim ini seperti damak king, naga merah, mas hijau, musang king dan durian hitam yang dijangka gugur pada awal Jun ini akan memenuhi gerai-gerai jualan sekitar Damak.

"Musang king di sini yang歧uruhujung bulan ini masih dijual pada harga RM68 sekilogram walaupun ada ura-ura mengatakan berlakunya penurunan harga di tempat lain.

"Setiap musim, musang king bersaing dengan DPK, tetapi mengikut rekod jualan sebelum ini DPK tidak kurang hebatnya kerana mendapat permintaan tinggi. Setakat ini ia sudah ditempat penggemar durian," katanya ketika ditemui di Kam-



ZULKIFLY menunjukkan durian premium kampung jenis aji aziz yang mendapat permintaan tinggi daripada penggemar raja buah.

pung Damak semalam.

Zulkifly berkata, musim ini damak king, naga merah dan mas hijau mengeluarkan hasil yang lebat dan harganya setanding musang king. Harga damak king ialah RM55, manakala naga merah dan mas hijau serendah RM35 bergantung kepada permintaan.

Sementara itu, peniaga durian, Ahmad Mustapha, 45, pula memberitahu, damak king dan durian hitam menjadi pilihan penggemar raja buah.

"Ia mampu menembusi pasa-

ran negara lain jika hasil pengeluarannya banyak dan berkualiti.

"Ini kerana isi damak king lebih sedap dan aromanya menguakkan menjadi antara faktor ia berjaya menambat hati pelanggan sehingga mengatasi jualan musang king dan DPK jenis lain."

"Sehingga kini saya juga membuka tapak semaihan dengan mengusahakan cantuman tunas klon damak king, mas hijau dan black thorn memandangkan pasaran cukup memberangsangkan akan datang," ujarnya.

Pemilik kapal kaya 'kenyang' guna diesel subsidi



Dato Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal

Oleh SRIHAYANIS ABASRI

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memandang serius terhadap isu penggunaan minyak diesel subsidi yang disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Dato' Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang), membangkitkan isu ini yang turut banyak dilaporkan oleh media massa.

"Apakah kerajaan se-

der di mana berlaku ketirisian, struktur yang ada subsidi minyak diberikan kepada bot kategori C2 sahaja dan bukan kepada kapal kategori C, pada hal kedua-dua jenis kapal menangkap (hasil laut) di laut yang sama.

"Ini menyebabkan kapal kategori C2 membeli minyak subsidi dari kapal kategori C. Kapal kategori C menjual minyak subsidi tanpa pergi ke laut," katanya ketika mengelakkan soalan rambaran pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, pada Rabu.

Beliau yang juga mantan Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berkata, kerajaan perlu mengambil langkah bagi mengatasi isu ketirisian diesel subsidi agar dapat dirasionalisasikan. "Jadi apakah langkah-langkah yang ambil? Dalam kerajaan Madani, T20 adalah orang yang tidak layak menerima subsidi. Tuhan punya kapal kategori C dan C2 bukan nelayan, mereka adalah tuan punya kapal yang bernilai antara RM3 juta hingga RM5 juta,

mencecah RM300,000 sebulan. Jadi tuan punya kapal tidak layak menerima subsidi," katanya.

Pandangannya disokong Lee Chean Chung yang juga mantan Timbalan Menteri Perikanan dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, ketika mengulas berkata, jika terdapat ketirisan diesel subsidi, perlu dilaporkan kepada kementerian. "Kalau ada kes Yang Berhormat dapat tahu ada pemilik kapal kategori C2 beli diesel subsidi, sila lapor kepada kementerian," katanya.

(PH-Petaling Jaya) Yang bersertijau bahawa kerajaan perlu memandang serius terhadap isu ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, ketika mengulas berkata, jika terdapat ketirisan diesel subsidi, perlu dilaporkan kepada kementerian.

7 bot, premis kumpul hasil laut terbakar

muanya tidak lagi dapat digunakan.

Seorang mangsa, Hafiz Ariffin, 37, berkata insiden berlaku kira-kira jam 6 pagi itu turut memusnahkan bangsal menyimpan pelbagai peralatan menangkap ikan miliknya dengan nilai kerugian keseluruhan dianggar mencapai RM200,000.

Nelayan sepuh masa itu berkata, pada hari kejadian dia bersama seorang awak-awak pulang dari laut kira-kira jam 2.30 pagi dan selepas menuju hasil tangkapan mereka kembali ke rumah tiga hingga 12 tahun itu berkata, kebakaran turut memusnahkan mesin digunakan untuk membantu menarik pulat, selain sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan alat pengesan sonar.

"Saya selalunya keluar jam 4 petang dan balik tengah malam atau keesokan harinya. Sekarang musim angin barat, jadi ikan memang banyak, termasuk ikan gred A seperti kerapu dan jenahak. Selain memukat saya me-

10 nelayan, pernah hilang mata pencarian selepas peralatan musnah

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews.bh.com.my

Balik Pulau: Sekurang-kurangnya 10 nelayan termasuk awak-awak hilang mata pencarian selepas tujuh bot selain sebuah premis menggumpul hasil laut di Jeti Sungai Burung berdekatan Pantai Malindo, di sini musnah dalam kebakaran Jumat lalu.

Empat daripada bot itu hangus

menjadi tiga lagi terbakar 100 peratus, manakala tiga lagi terbakar 50 peratus sehingga semuanya tidak lagi dapat digunakan.

Muhammad Faiz menunjukkan bot dan jeti yang musnah dalam kebakaran di Jeti Kuala Sungai Burung. (Foto Daniyal Saad/BH)

ngan harga RM56,000 pada Disember lalu untuk menggantikan enjin lama yang sudah digunakan lebih lima tahun.

"Saya ibarat hilang punca kerana duit simpanan sudah banyak habis. Lagipun jika nak tempah bot baharu ambil masa paling cepat tiga bulan dan enjin pula perlu dibeli asing dengan harganya juga semakin mahal," katanya.

Baru mendapat enjin

Bapa kepada lima anak berusia tiga hingga 12 tahun itu berkata, kebakaran turut memusnahkan mesin digunakan untuk membantu menarik pulat, selain sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan alat pengesan sonar. "Lebih menyedihkan saya baru tukar enjin baharu 150 kuasa kuda yang dibeli secara tunai de-

saya sedang memandu untuk bawa suami ke pusat dialisis, sebelum kami segera berpatah baik. Rasa lemah lutut tengok tiada apa-apa yang sempat diselamatkan.

"Kami buntu memikirkan macam mana nak 'bangkit' semula dengan perlu bayar ansur keperluan sewa rumah selain pinjaman TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga)," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lemba baga Kemajuan Ikan Malaysia (LKKM), Muhammad Faiz Fadzil,

berkata pihaknya sudah melawat jeti berkenaan lewat petang kelmarin dan akan meneliti ketuan yang boleh disalurkan kepada individu terpabit.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Pulau Meranti: Warga Bangladesh dulu buruh, sekarang tauke

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Warga Bangladesh di negara ini dipercayai mendapat bantuan modal pinjaman berniaga daripada bank-bank di Dhaka bagi membolehkan mereka membangunkan pelbagai perusahaan di Malaysia, lazimnya ‘ekonomi hitam’ yang tiada jejak wang dan tidak dicukaiakan.

Utusan Malaysia yang membuat tinjauan dan siasatan di kebun sayur haram dibangunkan warga asing di Pulau Meranti, Puchong semalam bertemu seorang warga Bangladesh bernama Mohin, 28 yang mengusahakan sebuah kedai runcit di sekitar kawasan kebun itu.

Mohin berkata, dia mula berhijrah ke negara ini sejak 2018 dan digajikan oleh sebuah syarikat beralamat di Selangor. Pada waktu itu, dia bekerja sebagai buruh di tapak pembinaan.

“Pada Ogos 2022, kontrak kerja saya tamat kerana projek pembinaan syarikat saya waktu itu sudah selesai. Projek itu di Sepang. Jadi, saya pulang semula ke kampung halaman di Cumilla, Bangladesh,” katanya.

ABANG BUKA KEDA RUNCIT DI PUTRAJAYA

Mohin bagaimanapun sempat meluangkan empat bulan saja di kampung halaman sebelum abangnya mengesyorkan dia datang semula ke Malaysia untuk membuka kedai runcit.

Abangnya sudah lama menetap di Malaysia dan pernah mengusahakan kedai runcit di Putrajaya melalui modal diberikan oleh bank di Dhaka berjumlah RM25,000.

Namun, bisnes abangnya merudum sehingga terpaksa menutup kedai runcit itu, tapi sempat menghulurkan Mohin sejumlah modal untuk berniaga.

“Abang saya pinjam RM25,000 dari bank di Dhaka untuk berniaga di Malaysia. Dia perlu bayar pinjaman RM800 sebulan selama tiga tahun. Tapi bisnes dia gagal dan terpaksa tutup kedai runcit di Putrajaya. Mujur dia ada menyimpan wang dan menghulurkan saya modal berniaga,” katanya.



PENCEROBohan di atas tanah haram Pulau Meranti di Cyberjaya oleh warga asing dengan mengusahakan tanaman sayur-sayuran.
- UTUSAN/SHIDIEQIIN ZON

Jelas Mohin, berbekalkan tolong modal diberikan abangnya serta ‘lampa hijau’ oleh agensi pekerja asing yang memberikan izin berniaga, dia kemudian mundur-mundir mencari tapak kedai runcit yang sesuai sebelum menghidu ‘potensi’ di kawasan kebun dan rumah kongsi haram dibanjiri warga asing di Pulau Meranti, Puchong berselamban kilang bas.

DULU BURUH SEKARANG TAUKE

Mohin turut berterima kasih kepada agensi pekerja asing

yang menguruskan permit kerjanya yang turut membantu operasi sehari-hari kedai runcitnya.

Katanya, agensi tersebut yang beralamat di Kajang memberikan bantuan perniagaan dalam bentuk barang di kedai runcit termasuk dua buah tungku besi kaki tiga untuk memasak, rak barangan runcit serta sebuah peti sejuk.

Syarikat menggalakkan saya berniaga sebab sekarang ini mereka masih belum ada projek untuk gajikan saya. Saya guna permit mereka sepanjang ber-

niaga di sini,” katanya.

Akhirnya ini melihat dan menyemak permit kerja yang ditunjukkan oleh Mohin iaitu *Single Entry Visa, Pas Lawatan Kerja Sementara (Visit Pass - Temporary Employment, Regulation 11/10)*, diliis pada 21 Jun 2022 oleh Bahagian Pekerja Asing Putrajaya.

Dalam pas tersebut dinyatakan bahawa pas itu hanya untuk kegunaan sebagai pekerja pembinaan dan pemegang pas tidak dibenarkan bekerja sebagai juruwang mahupun jurujurau.

Ini menimbulkan persoalan tentang kesalahan Mohin apabila permit kerjanya cuma membenarkan bekerja dalam sektor pembinaan, tapi jelas warga Bangladesh itu, yang lima tahun dahulu menjalani kakitangan Malaysia sebagai buruh, kini menjadi kedai runcit dengan pasaran yang cukup luas kepada warga asing sekitar kebun haram Pulau Meranti tanpa perluban bayar sesen pun cukai kepada kerajaan.

Mohin bagaimanapun berkata, agensi yang menguruskan permit kerjanya sudah berersetuju untuk merekrut Mohin bekerja di sebuah tapak projek baru di Kota Warisan bermula penghujung Julai ini.


Katanya, dia juga sudah men-

cadangkan kepada majikan supaya melaburkan modal untuk membangunkan kantin dan kedai runcit di tapak binaan Kota Warisan tersebut memandangkan pasaran warga asing yang cukup ramai bekerja sebagai pekerja sektor binaan di sana.

“Majikan saya akan mengelurkan modal untuk kantin dan kedai runcit sementara saya pulak akan menguruskan operasinya. Di tapak projek itu nanti pasti ada ribuan warga asing terutama Bangladesh yang kerja pembinaan.

“Mereka perlu makan dan minum, orang tempatan pasti tidak tahu selera orang Bangladesh. Jadi, saya beritahu bos, sayalah orang paling layak menguruskan kantin dan kedai runcit itu sebab saya cukup familiar dengan selera warga Bangladesh, apa yang mereka suka atau tidak dan apa barang yang laku untuk dinaikan,” katanya.

“Sama ada saya jual barang-barang di kedai runcit Pulau Meranti kepada warga Bangladesh lain, atau saya tutup saja kedai ini dan bawa semua barang perniagaan ini ke lokasi baru di kota Warisan nanti,” katanya sambil tangan sibuk menjawab panggilan telefon berpusu-pusu dari pembekal barang basah.



KAWASAN yang didakwa sebagai penempatan warga asing di atas tanah haram Pulau Meranti.
- UTUSAN/SHIDIEQIIN ZON